

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE**  
**[ BELURAN ]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [ BELURAN ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah Kerangka Dasar Luar Malaysia Baharu akan dapat menangani isu di seluruh dunia kini yang mana negara-negara kuat mengenakan tindakan secara *unilateral* terhadap negara-negara lain sehingga mencabuli perjanjian antarabangsa dan resolusi-resolusi PBB.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beluran atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Kerangka Dasar Luar Malaysia Baharu telah pun dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 18 September 2019. Saya amat berbesar hati di atas keprihatinan yang diberikan terhadap kandungan Kerangka tersebut.

3. Kelantangan pendirian Malaysia terhadap ketidakadilan, penindasan dan jenayah-jenayah terhadap kemanusiaan adalah nyata dan tidak perlu diragui. Malaysia turut menentang sekeras-kerasnya tindakan yang bersifat unilateralis di mana terdapat trend negara berkuasa memaksa negara lain mengikut telunjuk mereka dengan mengenakan pelbagai bentuk tekanan sama ada politik atau ekonomi ke atas negara yang lebih lemah dan kecil. Terdapat juga sesetengah negara yang melanggar perjanjian antarabangsa dan resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) secara terang-terangan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Menyentuh perkara dasar yang dikemukakan di dalam soalan Yang Berhormat Beluran, saya ingin menyatakan bahawa Kerangka ini bukan satu formulasi dasar luar yang baru. Kerangka ini merupakan satu garis panduan dan pedoman yang jelas dan sistematik untuk rujukan para pengamal diplomasi di Malaysia mahupun antarabangsa dalam pengendalian hubungan luar negeri terutamanya sewaktu berdepan dengan persekitaran dunia yang serba mencabar ini. Malaysia beriltizam untuk memperjuangkan suatu dasar luar yang progresif, bertunjangkan demokrasi yang matang, dan dilihat dari sudut pandang sebuah negara yang maju.

## NO. SOALAN : 5

5. Kerangka ini menyediakan pendekatan yang lebih holistik di dalam memacu dasar luar negeri Malaysia yang lebih progresif. Ini bagi membuktikan pendekatan dasar luar negeri Malaysia berupaya untuk menangkis sebarang sekatan atau tindakan unilateral yang dikenakan oleh negara-negara lain.

6. Malaysia tidak teragak-agak untuk terus bertindak secara proaktif dan berkesan dalam organisasi-organisasi antarabangsa termasuk PBB supaya peranan Malaysia menjadi lebih bermakna dan berimpak tinggi. Malaysia akan menentukan hala tuju wacana antarabangsa dengan mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan di pelbagai forum antarabangsa yang Malaysia adalah ahli, selain mempengaruhi proses membuat keputusan di forum antarabangsa yang Malaysia bukan ahli.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Kita juga tidak akan mengabaikan kepentingan hubungan akrab dengan negara-negara lain yang diamalkan selama ini. Hubungan yang erat ini akan terus menjadi keutamaan Malaysia dan bersendikan kepada prinsip-prinsip dan norma-norma undang-undang antarabangsa. Melalui cara ini, dapatlah kita menangani sebarang isu yang timbul melalui mekanisme penyelesaian secara aman mengikut hala tuju dan acuan Malaysia sendiri.

Sekian, terima kasih.